

# Mungkin keluar ILO

B.H = 6 JUN 1992

Oleh Wan Hamidi Hamid

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia mungkin menarik diri daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) jika badan itu tidak memberi faedah kepada negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ILO yang selama ini dikuasai negara kaya tidak memberi banyak sumbangan kepada Malaysia kecuali menekan negara miskin dengan pelbagai syarat dan sekatan yang menggagalkan pembangunan di negara berkenaan.

"Sekiranya ILO tidak memberi sebarang faedah kepada kita, maka apakah gunanya kita bergabung dengannya," katanya kepada pemberita di kediamannya di sini selepas meraikan pemain dan pegawai skuad badminton Piala Thomas negara dalam satu jamuan teh.

"Soal sama ada Malaysia kekal atau keluar daripada ILO tidak menjadi perkara utama kerana masalah lebih besar ialah tindakan negara maju menyekat perdagangan dan eksport negara miskin.

"Saya bimbang negara maju akan terus menghasut negara lain supaya memulau barangan kita semata-mata kita tidak mahu tunduk kepada tekanan mereka," katanya kepada pemberita selepas meraikan skuad badminton negara di Sri Perdana petang ini.

Perdana Menteri berkata, negara maju memaksa negara memban-

gun seperti Malaysia melaksanakan pembayaran gaji setimpal dengan negara mereka walaupun menyedari perbezaan keadaan.

Sebenarnya, kata beliau, negara maju menggunakan ILO untuk menekan Malaysia supaya menaikkan kos buruh yang selama ini menjadi daya penarik pelabur ke negara ini.

Kos buruh rendah tidak boleh disamakan dengan kos buruh murah kerana sara hidup Malaysia masih rendah. Jika keadaan ini dihapuskan, maka Malaysia yang tidak mempunyai kepakaran, teknologi, modal dan pengetahuan pasaran akan ketinggalan.

"Negara maju tidak mahu kita mempunyai kelebihan kos buruh rendah ini kerana tidak mahu orang melabur di sini dan mereka tidak mahu kita melaksanakan program perindustrian," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, ramai lagi pemimpin kesatuan sekerja yang tidak faham masalah itu, cuba berpihak kepada negara maju untuk mengecewakan pekerja sendiri.

Menurutnya, pemimpin MTUC tidak melakukan sesuatu yang positif untuk menyediakan pekerjaan, sebaliknya mereka menumpu kepada politik peribadi.

"Sebab itu mereka menyebelahi pertubuhan pekerja asing yang tidak peduli nasib pekerja tempa-

LIHAT MUKA 2

# Kerajaan berusaha Bertukar peluang kerja

**DARI MUKA 1**

tan. Perbuatan mereka akan menyebabkan **industri** meleset dan **ramai kehilangan** kerja," katanya.

Beliau berkata, **kerajaan** yang sebenarnya **berusaha** memajukan negara dengan meningkatkan **pembangunan industri** bagi menyediakan **peluang** pekerjaan.

Dalam Persidangan ILO di Geneva mulai **kelmarin** hingga 21 Jun ini, MTUC membuat **bantahan** kepada ILO **berhubung** wakil pekerja **Malaysia**, Cuepac dan Pertubuhan Buruh **Malaysia (MLO)**. Tindakan itu **mungkin** menyebabkan **Malaysia** tersingkir **dari** **pada** sidang itu.

Mengenai Persidangan Pertubuhan **Bangsa-Bangsa** Bersatu Mengenai **Alam Sekitar** dan **Pembangunan (Unced)** di Rio de Janeiro, Dr **Mahathir** berkata beliau tidak mahu bersikap pesimis terhadap sidang itu **walaupun** pandangan umum menganggap **ia** tidak akan **memberi** banyak hasil.

"**Saya** mahu terus **berharap** sesuatu yang baik akan dapat dihasilkan di Rio. **Bagi** saya, pendirian **Malaysia** dan Kumpulan 77 yang dicapai di Sidang Kuala Lumpur **akan** **di** **suarakan** di sidang itu," katanya.

Menurutnya, semua **negara** perlu melaksanakan tanggungjawab mereka untuk memastikan **matlamat** sidang itu berjaya.